

Kolej Tun Fuad unggul

Oleh DESMOND QWEK

UB 5 April 2016 A15

KOTA KINABALU: Kolej Tun Fuad muncul selaku juara keseluruhan Karnival



Sukan Antara Kolej Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2016 berakhir Ahad.

Kejayaan itu dicapai selepas memenangi enam pingat emas menerusi sukan bola jaring,

bola sepak, sepak takraw, padang dan balapan dan bola tampar pantai.

Selain itu, Kolej Tun Fuad juga memenangi pingat perak dalam kategori lelaki dan

perempuan acara bola tampar, catur lelaki serta satu pingat gangsa melalui catur lelaki.

Kolej Excellent muncul selaku naib johan keseluruhan dengan lima emas, tiga perak dan satu gangsa manakala Kolej Sri Angkasa menduduki tempat ketiga dengan dua emas, empat perak dan dua gangsa.

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) UMS Dr. Ismail Ali menyempurnakan majlis penutupan karnival itu.

DR. ISMAIL (berdiri depan empat dari kiri) bersama antara pasukan dan peserta Karnival Sukan Antara Kolej Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2016 semasa majlis penutupan pada Ahad.